

Headline	Pemilik spa ikan kecewa dakwaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	13	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	134 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,795
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,385



Pemilik spa ikan kecewa dakwaan

KUALA LUMPUR: Pemilik spa ikan di sekitar Lembah Klang kesal dengan dakwaan Kementerian Kesihatan pengguna terapi spa ikan menghadapi risiko jangkitan penyakit berbahaya tanpa melakukan kajian terperinci terlebih dahulu.

Pemilik Spa Ikan Foot Master, Kenny Pe, yang sudah empat tahun menjalankan perniagaan itu menyangkal dakwaan ikan yang digunakan boleh menjadi pembawa virus HIV menerusi gigitan pada kaki pelanggan.

“Sebelum memulakan perniagaan, saya sendiri ke luar negara seperti Jepun dan Taiwan yang menggunakan teknologi canggih bagi mempelajari proses rawatan air dan garis panduan lain se-

perti kualiti air serta tahap kebersihan kaki pelanggan sebelum dibenarkan menjalani rawatan,

“Kertas kerja terperinci mengenai rawatan itu juga sudah dibentangkan kepada Kementerian Kesihatan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Setakat ini, premis saya tidak pernah menerima aduan mengenai masalah yang dibangkitkan,” katanya.

Beliau yang menguruskan spa ikan di pusat membeli belah Times Square, Sunway Pyramid, dan Ampang menjelaskan air dalam kolam ditukar setiap hari, selain disterilkan menggunakan sinar ultra lembayung (UV) sebanyak 2,000 Watt bagi membunuh bakteria dan virus yang dikatakan wujud dalam takungan air.

Difahamkan, selain pemasangan sinaran UV 24 jam tanpa henti terhadap bekalan air, kaedah penurasan pasir digunakan bagi mengasingkan campuran lebihan makanan ikan dan sisa kumbahan.

Pendapat itu disokong pengusaha Reborn Healthcare Sdn Bhd, Yen Mui, yang berkata berkata pelbagai teknologi canggih digunakan bagi memastikan tidak berlaku jangkitan kerana garis panduan ketat perlu dipatuhi sebelum lesen perniagaan diluluskan.



Kertas kerja terperinci mengenai rawatan itu juga sudah dibentangkan kepada Kementerian Kesihatan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)



Kenny Pe
Pemilik Spa Ikan Foot Master